

Headline **Kursus Ternak Rusa**
Date **10. Oct 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **11**
Article Size **120** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **3703.74**



Kursus ternak rusa

PELBAGAI jenis kursus ternakan dianjurkan bagi mengeluarkan penternak-penternak yang berilmu dalam menangani masalah ternakan.

Sebelum ini terdapat banyak kursus ternakan berkaitan dengan kambing dan lembu.

Terkini Hitech Livestock & Exotic Farm dengan usahasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agro Bank menganjurkan kursus penternakan rusa secara komersial pada setiap Sabtu dan Ahad setiap minggu.

Kursus yang dijalankan di ladang ternakan rusa, Jalan Bunga Raya, Bukit Sentosa, Rawang, Selangor bersebelahan pintu masuk Perodua E9.

Semasa kursus berkenaan, peserta akan didedahkan dengan pelbagai sesi yang meliputi lawatan dan penerangan sekeliling ladang, penerangan dan keperluan infrastruktur ladang.

Makanan

Penerangan kaedah penanaman rumput, penerangan penggunaan makanan tambahan dan pemberian makanan kepada ternakan.

Penerangan contoh-contoh ubat-ubatan, penerangan sistem rumah gelap dan kaedah menangkap rusa dalam rumah gelap.

Kaedah mengasing rusa mengikut kumpulan dan pengurusan kumpulan, kaedah rawatan dan penandaan (*tagging*), kaedah memotong tanduk rusa (*velvet*) dan kaedah penyusuan anak rusa yang dipisahkan daripada ibu.

Peserta yang mengikuti kursus berkenaan dikenakan yuran sebanyak RM900.

Mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kursus berkenaan bolehlah menghubungi Akbar di 017-345 8849, 019-281 8849 dan 03-2026 9086.

Mereka juga boleh melayari laman web www.hitechdeerfarm.com atau e-mel: hitech_deerfarm@yahoo.com.